

GERAKAN AHMADIAH (QADIANI) DI MALAYSIA: SATU SOROTAN SEJARAH

Oleh:
Azharudin Mohamed Dali*

Abstrak

Kajian ini melihat perkembangan gerakan Ahmadiyah atau turut dikenali sebagai Qadiani di Malaysia. Gerakan ini telah dikategorikan sebagai sebuah ajaran sesat yang menyesatkan, namun sehingga ke hari ini ia masih terus wujud dan di Malaysia terdapat seramai lebih kurang 1500 orang pengikut. Kajian ini akan menyelusuri perkembangan gerakan ini dalam tiga tahap. Pertama, permulaan gerakan ini di India serta pengasasnya iaitu Mirza Ghulam Ahmad, tahap kedua pula merujuk kepada sebab dan alasan-alasan yang menyebabkan ajaran bertapak di Negara ini dan ketiga adalah gerakan ini di Malaysia. Kajian ini juga akan melihat kepada beberapa persoalan berkaitan dengan kewujudannya dan kemampuannya untuk terus bertapak di negara ini.

Kata kunci: Gerakan Ahmadiyah, Qadiani, Mirza Ghulam Ahmad, Islam di Malaysia

Abstract

This paper outlines the development of the Ahmadiya movement, better known as the Qadianis in Malaysia. This movement was categorised as a deviant group, but until today, it still exists and in Malaysia, it has around 1500 adherents. This study will trace the development of this movement, in three parts. The first part would be the origins of the movement in India and its founder, Mirza Ghulam Ahmad, the second part the real and purported reasons of the Ahmadiya movement, and the third part, its mission in Malaysia. This paper will also look into a few questions regarding its existence and its ability to survive in this country.

Keywords: Ahmadiyah Movement, Qadiani, Mirza Ghulam Ahmad, Islam in Malaysia

Pengenalan¹

Dalam konteks perkembangan Islam, didapati bahawa Malaysia tidak dapat lari dari perkembangan-perkembangan yang berlaku di dunia Islam serta masyarakat Islam di negara yang lain. Meskipun Timur Tengah sering sahaja menjadi pusat

* Azharudin Mohamed Dali, PhD, merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui azharud@um.edu.my.

¹ Artikel ini asalnya merupakan kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Hubungan Malaysia-Indonesia Kali Ketiga yang dianjurkan oleh Fakulti Sastera dan Sains Sosial pada 14-16 Ogos 2009 dengan tajuk Gerakan Ahmadiyah atau Qadiani di Malaysia dan Indonesia: Satu Sorotan Sejarah.

perhatian dalam perkembangan Islam sama ada dari sudut pengaruh gerakan Islam dan seumpamanya, namun masyarakat Islam di Malaysia turut menerima kesan dari perkembangan yang berlaku di Asia Selatan. Contoh paling jelas dalam hal ini adalah perkembangan pesat yang berlaku dalam gerakan Tabligh di Malaysia serta gerakan Ahmadiyah atau Qadiani.² Dari sudut ini maka jelaslah betapa hampirnya setiap masyarakat Islam dalam menghadapi apa sahaja perkembangan mahupun perubahan yang melanda masyarakat.

Tulisan ini cuba menyorot kemunculan Ahmadiyah atau Qadiani di Malaysia. Dalam menyorot sejarah gerakan ini, maka ia secara langsung akan cuba menjawab bagaimana gerakan ini mampu bertapak di negara ini, apakah sambutan masyarakat dan bagaimanakah sikap masyarakat Islam dalam menghadapi gerakan ini? Persoalan-persoalan ini akan menjadi asas perbincangan dalam tulisan ini. Kajian ini pula berdasarkan kepada sumber-sumber kedua serta laporan-laporan akhbar dan internet. Walau bagaimanapun, ia masih merupakan satu bentuk kajian awal dan memerlukan satu kajian yang lebih mendalam bagi mendapat gambaran yang sepenuhnya mengenai gerakan ini sama ada di Malaysia malah di negara-negara lain di Asia Tenggara termasuk Indonesia, Singapura dan sebagainya.

Asas Perkembangan Ahmadiyah / Qadiani

Ajaran Qadiani berasal dari India. Ia diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad bin Ghulam Murtadha bin Atta Muhammad yang dilahirkan di Qadian, berhampiran kota Amritsar, Punjab. Bapa beliau bernama Mirza Ghulam Murtadha sementara ibunya Chiragh Bibi. Mirza Ghulam Murthada disifatkan sebagai berketurunan Parsi berasal dari Samarkand sebelum berhijrah ke India dan menetap di Qadian. Setelah menetap di India, Mirza Ghulam Murthada berjaya menjawat kedudukan penting dalam sistem pentadbiran British di India dan menjadi penyokong kuat pihak British. Mirza Ghulam Ahmad sendiri mengakui hal ini apabila menyebutkan bahawa, *“That my father Ghulam Murtaza was amongst those who had good connections and affectionate relationship with the English Government...”*³

Mirza Ghulam Ahmad dikatakan dilahirkan pada 13 Februari 1835. Meskipun demikian, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa tarikh lahir sebenar beliau ialah sekitar 1839 atau 1840.⁴ Beliau menerima pendidikan awal dalam

² Perkataan Ahmadiyah merujuk kepada nama Mirza Ghulam Ahmad yang juga pengasas ajaran ini sementara nama Qadiani pula adalah diambil dari nama kampung kelahiran beliau. Lihat “Qadiani (Bukan Ajaran Islam): Makluman Fatwa Rasmi”, <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/qadiani.html> di ases pada 25 Julai 2009.

³ Lihat Ehsan Elahi Zaheer (1978), *Qadiyaniat: An Analytical Survey*, Lahore: Idara Tarjuman al-Sunnah, h. 21.

⁴ Lihat isu ini dalam Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, Skudai: Penerbit UTM, h. 3-4. Ehsan Elahi Zaheer mengatakan kelahiran Mirza

bidang keagamaan dari guru-guru agama yang datang mengajar di rumahnya. Pendidikan ini disifatkan sebagai pendidikan tidak formal. Mirza Ghulam Ahmad kemudiannya bekerja sebagai pegawai rendah di pejabat daerah di Sialkot, Punjab antara 1864 hingga 1868. Walau bagaimanapun, beliau kemudiannya kembali ke Qadian dan memperdalam bidang keagamaan. Nama beliau mula menjadi sebutan penduduk apabila melibatkan diri dalam perdebatan dengan kalangan mubaligh Kristian dan Hindu. Beliau juga dikatakan mengalami pelbagai jenis penyakit sama ada histeria dan kencing manis. Pada 1891, Mirza telah mengisytiharkan dirinya sebagai al-Masih dan kemudiannya sebagai Nabi pada 1901. Tindakan ini telah dikecam hebat oleh masyarakat Islam di India hingga menyebabkan berlakunya peristiwa mubalah yakni perakuan bersumpah bagi menentukan siapa yang benar dan salah antara Mirza Ghulam Ahmad dan Maulana Sanaullah Amritsari. Peristiwa ini berlaku pada 15 April 1907. Pada 25 Mei 1908, kira-kira setahun selepas peristiwa ini, Mirza Ghulam Ahmad telah diserang sakit taun di Lahore dan meninggal dunia pada 26 Mei 1908. Maulana Sanaullah pula meninggal dunia pada 15 Mac 1948, kira-kira 40 tahun selepas mubalah dilaksanakan.⁵

Dalam memahami kemunculan Qadiani sebagai sebuah 'gerakan keagamaan' maka haruslah difahami terlebih dulu perkembangan yang berlaku di India sekitar penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20. Islam sedang berhadapan dengan tentangan yang paling sengit dalam sejarah kewujudannya sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. Ini kerana ancaman Islam bukan sahaja datang dari luar tetapi juga dari dalam Islam sendiri. Ancaman datang dari luar pastinya datang dari pihak penjajah dan orientalis. Penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam serta masyarakat Islam yang kemudiannya di ikuti dengan penyebaran agama Kristian telah menjadi ancaman Islam termasuklah di India. Dalam masa yang sama, masyarakat Islam di India juga berhadapan dengan kalangan penyebar agama Hindu sama ada dalam bentuk persatuan seperti Arya Samaj dan Brahmo Samaj mahupun dalam gerakan-gerakan persendirian yang sangat aktif menyeru kepada perkembangan Hindunisasi. Kedua-dua ancaman, iaitu dari kalangan mubaligh Kristian dan gerakan Hindu terpaksa dihadapi oleh masyarakat Islam di India. Dalam masa yang sama, ancaman juga bersifat dalaman terutama dalam konteks persaingan antara mazhab, aliran-aliran tarekat mahupun kalangan ulama-ulama tertentu. Dalam hal ini, kalangan ulama seringkali berselisih pendapat antara satu sama lain hingga membawa perpecahan dalam masyarakat Islam.

Di kalangan masyarakat Islam di India misalnya wujud kalangan yang dikenali sebagai modernis dan tradisional. Ia lahir dalam bentuk gerakan seperti yang dilaksanakan oleh kalangan al-Hadis dan Deobandis serta modernis seperti kalangan lepasan Aligarh. Keadaan ini telah menyebabkan perselisihan dalam masyarakat Islam itu sendiri. Dalam masa yang sama, masyarakat Islam turut

Ghulam Ahmad pada 1839. Ehsan Elahi Zaheer (1978), *Qadiyaniat: An Analytical Survey*, Lahore: Idara Tarjuman al-Sunnah, h. 21.

⁵ Ibid., h. 6-8.

terdedah dengan amalan-amalan bukan Islam yang telahpun sebatu dalam budaya masyarakat. Meskipun memeluk Islam, sebahagian dari amalan itu terus dibawa ke dalam masyarakat tersebut hingga wujud kecelaruan dalam amalan Islam itu. Dalam melihat asas kemunculan Ahmadiyah ini, seorang sarjana Indonesia, M. Dawam Rahardjo mengatakan bahawa terdapat tiga faktor penting di belakang kelahiran Ahmadiyah iaitu kolonialisme British di India, kemunculan kehidupan umat Islam di segala bidang dan seterusnya proses Kristianisasi oleh kalangan mubaligh terhadap masyarakat Islam.⁶ Dalam masa yang sama, pengakuan Mirza Ghulam Ahmad sebagai nabi mahupun al-Masih dikatakan mempunyai kaitan langsung dengan persahabatannya dengan Nurrudin Bhairawi. Beliau dilihat sebagai tokoh penting dibelakang pengakuan-pengakuan Mirza Ghulam Ahmad malah beliau dikatakan sebagai “*orang yang sebenarnya menghasut Mirza melakukan penyelewengan di dalam ajaran ini*”.⁷

Dalam suasana yang sebegini, kemunculan seseorang yang mempunyai asas-asas keagamaan akan mampu mempengaruhi masyarakat. Malahan dalam usaha mengumpulkan pengikut, mereka akan menonjolkan diri sebagai pejuang Islam. Ia dilaksanakan dengan baik oleh Mirza Ahmad apabila melaksanakan dakwahnya dengan menentang amalan Kristian dan Hindu hingga secara mudah sahaja memperolehi penyokong di kalangan masyarakat Islam. Pada 1880, Mirza Ahmad telah menghasilkan Barahin Ahmadiyah dan menerima sambutan dari masyarakat terutama kerana sebahagian dari isi kandungan buku ini menentang ajaran dan amalan bukan Islam secara terbuka. “*Buku Barahin Ahmadiyah ini amat popular kerana menonjolkan sikap Mirza yang agresif menyerang penentang Islam*”.⁸

Walau bagaimanapun, keadaan mula berubah apabila Mirza Ahmad secara terbuka mengaku menerima wahyu dari Allah swt dan seterusnya mewujudkan jamaah bagi merealisasikan usahanya menyebarkan ajarannya. Ia dilaksanakan pada bulan Disember 1888.⁹ Pada bulan Disember 1891 pula, Jalsah Salanah atau pertemuan kalangan pengikut Qadiani diadakan buat pertama kalinya di Qadian yang dihadiri oleh 75 orang.¹⁰ Bermula dari tarikh ini, gerakan Qadiani telah berjalan secara lebih tersusun dan beberapa peraturan telah mula dilaksanakan antaranya termasuklah dalam soal hubungan antara pengikut Qadiani dengan kalangan yang bukan Qadiani. Anak-anak perempuan ajaran Qadiani dilarang dari berkahwin dengan mereka yang bukan Qadiani, malah satu tanah perkuburan khas untuk pengikut Qadiani juga diwujudkan yang dikenali sebagai *Bahesti Maqbarah* atau perkuburan syurgawi.¹¹ Perkuburan khas untuk pengikut Ahmadiyah ini juga boleh ditemui di Indoensia.

⁶ Di petik dari A. Yogaswara (2008), *Heboh Ahmadiyah*, Yogyakarta: Narasi, h. 33.

⁷ “Qadiani (Bukan Ajaran Islam): Makluman Fatwa Rasmi”, <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/qardiani.html> di akses pada 25 Julai 2009. Nurrudin kemudiannya menjadi *Khalifatul-al-Masih I* yang mengetuai Ahmadiyah selepas kematian Mirza Ghulam Ahmad.

⁸ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 11.

⁹ *Ibid.*, h. 12.

¹⁰ *Ibid.*, h. 13.

¹¹ *Ibid.*

Sehingga kematiannya, pengikut Mirza Ahmad disebutkan berjumlah 200,000 orang.¹² Ia menunjukkan bahawa usaha beliau untuk mengembangkan ajarannya telah berjaya. Kejayaan ini bukan sahaja dibayangkan melalui jumlah pengikut yang besar, tetapi telah membentuk sebuah gerakan yang tersusun dan mampu berkembang meskipun selepas kematiannya pada 1908. Terdapat dua aspek penting yang perlu dikembangkan disini dalam usaha memahami gerakan atau ajaran Qadiani ini. Pertama ialah penjelasan mengenai isi kandungan atau ajaran-ajaran Qadiani yang dilihat bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya dan kedua, perpecahan dalam gerakan ini hingga melahirkan ‘Ahmadiyah Lahore’.

Gerakan Qadiani turut dikenali sebagai Ahmadiyah atau Ahmadi atau Ahmadiyyat yang pada asasnya berpegang kepada kepercayaan bahawa ajaran Mirza adalah ajaran yang benar dan tidak menyeleweng dari jalan yang sepatutnya. Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim dalam kajian mereka mengenai hal ini, ada memperjelaskan secara panjang lebar dalam bab ketiga buku yang bertajuk *Penyelewengan Ajaran Qadiani*. Secara ringkas mereka mengatakan bahawa perkara-perkara yang menyebabkan ajaran Qadiani dilihat sebagai ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam berasaskan kepada, pertama, pengakuan Mirza bahawa beliau merupakan Nabi dan Rasul. Pengakuan ini dilakukan pada 1901 dan mengatakan bahawa nama Ahmad sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran itu sebenarnya merujuk kepada dirinya, bukannya Nabi Muhammad saw.

Dakwaan ini terus menjadi pegangan kalangan pengikut Ahmadiyah dan ia menjadi bahan pertikaian dengan masyarakat Islam yang lain. Ia juga merupakan dakwaan yang paling jelas membezakan antara ajaran Ahmadiyah dengan Islam.¹³ Kedua, Mirza juga mengaku mempunyai mukjizat sebagaimana Nabi-nabi terdahulu dan menerima wahyu dari Allah swt. Ketiga, Mirza Ghulam Ahmad juga mengaku sebagai Imam Mahdi. Pengakuan ini dilafazkan oleh beliau pada 1891, keempat, Mirza Ghulam Ahmad juga mengaku sebagai Nabi Isa. Mirza Ghulam Ahmad mengatakan bahawa al-Mahdi dan Nabi Isa yang akan muncul pada akhir zaman itu adalah orang yang sama dan beliaulah yang dimaksudkan dalam hal tersebut yang akan memperbaiki suasana dan keadaan masyarakat Islam yang sedang berada diambang kehancuran.¹⁴ Ajaran ini juga bertegas dengan mengatakan bahawa Nabi Isa meninggal dunia sebagaimana manusia biasa.¹⁵

¹² Ibid., h. 14.

¹³ “Qadiani (Bukan Ajaran Islam): Makluman Fatwa Rasmi”, <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/qadiani.html> di ases pada 25 Julai 2009.

¹⁴ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 75.

¹⁵ Hazrat Haji Mirza Bashir-ud-Din Mahmud Ahmad (1980), *Invitation to Ahmadiyyat*, London: Routledge & Kegan Paul, h. 12-24.

Malah pada 1904, Mirza juga disebutkan pernah mengakui sebagai Nabi Isa bagi penganut Kristian dan Krishna kepada penganut Hindu.¹⁶ Memetik ungkapan majalah *Sinar Islam* keluaran November 1985, Mirza Ghulam Ahmad disebutkan sebagai, "...*Aku Adam, aku Seth, aku Nuh, aku Ibrahim, aku Ishaq, aku Ismail, aku Ya'qub, aku Yusuf, aku Musa, aku Daud, aku Isa, dan aku adalah penjelmaan sempurna dari Nabi Muhammad saw...*".¹⁷ Ajaran Ahmadiyah ini juga meletakkan Qadian iaitu tanah kelahiran Mirza Ghulam Ahmad sebagai tempat suci setanding dengan kesucian dua kota utama dalam Islam iaitu Mekah dan Madinah. Kalangan Ahmadiyah percaya bahawa "*Menunaikan Haji di Mekah tanpa melakukan Haji di Qadian adalah Haji yang kering dan kosong kerana menunaikan Haji di Mekah hari ini tidak memenuhi risalah dan tidak menunaikan fardunya*".¹⁸

Dalam masa yang sama, terdapat juga pengakuan yang menyebut bahawa mereka yang bukan Ahmadiyah adalah golongan kafir. Khalifah Kedua, Mahmood Ahmad menyatakan bahawa sesiapa yang tidak mengakui kenabian Mirza Ghulam Ahmad merupakan kalangan kafir.¹⁹ Dalam masa yang sama, meneliti pegangan Ahmadiyah melalui buku-buku yang ditulis sendiri oleh anggotanya termasuklah pemimpin-pemimpin utama gerakan ini, maka secara jelas didapati ia bersifat logik semata-mata. Pegangan terhadap logik akal inilah yang menyebabkan Ahmadiyah misalnya mengatakan bahawa Nabi Isa meninggal secara semulajadi seperti manusia biasa. Selain itu, dengan logik akal juga Ahmadiyah mengatakan bahawa seharusnya Nabi Muhammad saw bukanlah Nabi yang terakhir dan sebagainya. Ini bermakna hanya dengan menggunakan logik akal, sesuatu yang boleh dirasa, dipandang dan difikirkan sahaja, maka lahirlah pegangan-pegangan Ahmadiyah itu.²⁰ Dalam masa yang sama, pandangan Mirza mengenai pengertian jihad juga dilihat semata-mata untuk mengesahkan aktiviti-aktiviti gerakan ini. Mirza menyebutkan perihal jihad ini seperti berikut:

Jihad dengan pedang telah dilarang. Semua peperangan untuk agama sekarang ini telah ditegah. Sekarang jihad untuk tujuan agama telah diharamkan. Pada pendapat saya, tiada doktrin yang memburukkan nama Islam lebih daripada doktrin jihad. Saya menghabiskan sebahagian besar umur saya untuk mengiyakan Kerajaan British dan menentang jihad.²¹

Berdasarkan pandangan dan pegangan inilah yang akhirnya meletakkan Mirza Ghulam Ahmad sebagai pro-British, malah disebut juga sebagai tali barut British.

¹⁶ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 73.

¹⁷ *Sinar Islam*, Edisi 1, November 1985 merupakan majalah bulanan Ahmadiyah seperti dipetik dalam A. Yogaswara (2008), *Heboh Ahmadiyah*, h. 13.

¹⁸ "Ajaran Qadiani", <http://infad.usim.edu.my> di ases pada 25 Julai 2009.

¹⁹ Ehsan Elahi Zaheer (1978), *Qadiyaniat*, h. 35.

²⁰ Lihat Hazrat Haji Mirza Bashir-ud-Din Mahmud Ahmad (1980), *Invitation to Ahmadiyyah*, Part 1.

²¹ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 89.

Sikap ini juga lahir dari rasa kekusaran British terhadap semangat jihad yang digunakan oleh orang Islam bagi menentang British di India. Tidak sedikit pandangan yang mengatakan bahawa kewujudan gerakan Qadiani juga dilaksanakan oleh British semata-mata untuk melemahkan dan menghancurkan masyarakat Islam di India. Pihak British berada dibelakang tabir dalam pembentukan ajaran ini yang secara langsung akan memudahkan British menguasai Islam.

Ia juga dianggap sebagai satu strategi besar (*grand strategy*) oleh pihak British untuk menjauhkan masyarakat Islam dari ajaran Islam yang sebenar kerana pihak British merasakan bahawa masyarakat Islam hanya akan menjadi lemah sekiranya tidak lagi mengamalkan ajaran Islam sebagaimana yang sepatutnya.²² Selain itu, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa pihak British memberi sokongannya kepada gerakan ini dengan harapan agar masyarakat Islam tidak lagi memberikan tumpuan kepada Mekah dan Madinah yang menjadi aspirasi dan arah ketika solat diadakan mahupun dalam konteks keagamaan yang lainnya, sebaliknya akan membolehkan Qadian.

Ia juga berhasrat memutuskan ikatan batin keseluruhan masyarakat Islam yang wujud melalui Mekah dan Madinah itu. Malahan, usaha British untuk melemahkan masyarakat Islam ini bukan sahaja dilaksanakan melalui gerakan Qadiani tetapi juga melalui Bahaisme yang diasaskan oleh Mirza Hussain di Iran yang terhasil melalui kerjasama imperialisme British dan Russia.²³ Dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh British ini dapat dijayakan dengan adanya tokoh seperti Mirza Ghulam Ahmad. Malahan hubungan antara Ahmadiyah dengan pihak British ini sebenarnya berterusan hingga ke hari ini apabila England terus menjadi pusat aktiviti Ahmadiyah yang paling penting.

Dalam masa yang sama kemampuan Ahmadiyah atau Qadiani untuk berkembang di India pada tahap awalnya bukan sahaja kerana sokongan pihak British. Sememangnya pihak British melihat kewujudan ajaran ini memberi keuntungan kepada mereka hingga menyebabkan mereka memberikan bantuan material, kewangan, pemilikan tanah mahupun memberikan kebebasan kepada pengikut-pengikut ajaran ini menjalankan aktiviti mereka. Dalam masa yang sama, kalangan nasionalis India juga sedang dalam keadaan mencari-cari arah yang jelas dalam konteks perkembangan nasionalisme India. Dr. Shankar Das menjelaskan perkaitan antara nasionalisma dan ajaran Ahmadiyah. Beliau mengatakan:

The most crucial question before the country at this juncture is: how to achieve the spirit of nationalism in India. Sometimes bargaining, mutual treaties and pacts are entered into with the Muslims. Sometimes, resort is taken to bribery to win them

²² A. Yogaswara (2008), *Heboh Ahmadiyah*, h. 20

²³ Ehsan Elahi Zaheer (1978), *Qadiyaniat: An Analytical Survey*, Foreword.

over. At other times, part of their religious affairs are made a politics and a political unity is sought to be achieved. But none of these methods succeeds. The Indian Muslims consider themselves to be a separate nation. They sing the praises of the Arabian Prophet day in and day out. If they could, they would change the name of India into Arabia...In this gloom, and despair the Indian nationalists and patriots see only one ray of light and that friendly vision is the Ahmadiyya movement. The larger the number of Muslims inclining towards Qadiyanism, they will consider Qadiyan as their Mecca and in the end will become nationalist and lovers of India. Only the growth of Qadiyani movement amongst the Muslims can end the Arabian culture and Pan Islamism. Let us then study the Qadiyani movement from the nationalist points of view.²⁴

Apabila Mirza meninggal dunia pada bulan Mei 1908, gerakan ini diketuai oleh Maulana Hakim Nurrudin Bhairawi antara 1908-1914 sebelum digantikan oleh Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad yang juga anak Mirza Ghulam Ahmad. Beliau mengetuai gerakan ini antara 1914 hingga 1965. Dalam tempoh inilah wujud perpecahan dalam gerakan Qadiani ini. Perpecahan ini telah menyebabkan wujudnya kumpulan yang dikenali sebagai Ahmadiyah Lahore yang dipimpin oleh Maulana Muhammad Ali sementara kumpulan yang dipimpin oleh Maulana Bashiruddin dikenali sebagai Ahmadiyah Qadian atau Qadiani. Salah satu asas perbezaan antara kedua kumpulan ini ialah kepercayaan bahawa Mirza Ghulam Ahmad itu, sebagaimana fahaman kumpulan Lahore hanyalah sebagai al-Mahdi, al-Masih Isa anak Maryam serta pembela agama, dan bukannya seorang Nabi. Sementara kumpulan Qadian menganggap Mirza sebagai Nabi yang terakhir selepas Nabi Muhammad saw.²⁵

Salah satu perkara yang paling penting dalam melihat kewujudan Ahmadiyah mahupun permasalahan yang timbul adalah wujudnya dua persepsi yang saling bertentangan antara satu sama lain. Ajaran ini telah difatwakan sebagai ajaran

²⁴ Ibid., h. 1-C.

²⁵ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 15. Meskipun demikian, wujud juga pandangan yang mengatakan bahawa kedua-dua kumpulan tidak mempunyai perbezaan pegangan. Lihat h 17. Hal yang sama turut diperkatakan oleh Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 170. Hal ini juga pernah diutarakan oleh Sheikh Tahir Jalaluddin pada tahun 1920-an mengenai hal ini. Sheikh Tahir dikatakan tidak melihat adanya pemisahan di antara ajaran Qadiani dan Lahore. Za'ba iaitu tokoh yang mempunyai kaitan dengan Lahore Party melalui Khawaj Kamaluddin menegaskan bahawa beliau tidak bersependapat dengan pandangan Sheikh Jalauddin dan menjelaskan bahawa "beliau sedia mengikut dan menerima tiap-tiap pengajaran yang baik, walaupun berasal dari Mirza Ghulam Ahmad (1838-1908), Al-Ashaari (873-935), Al-Shafie (?820), Al-Ghazali (1058-1111) atau Al-Wahabi atau Muhammad Abdul Wahab (1703-1787), malah dari mana-mana pendeta sama ada Hindu, Kristian atau Jepun". Lihat Adnan Haji Mohd Nawang (2007), *Za'ba dan Melayu*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 55. Berasaskan ungkapan Za'ba ini, mungkinkah ia bersifat Islam Liberal seperti yang wujud di Indonesia hari ini?

yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya.²⁶ Organisasi-organisasi Islam yang wujud di negara-negara Islam Pakistan, Arab Saudi, Malaysia, Indonesia dan sebagainya telah meletakkan bahawa ia merupakan ajaran yang menyeleweng dan pengikutnya boleh diletakkan dalam kategori murtad. Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa mereka tidak diterima di negara-negara Islam dan menyebabkan mereka menjadikan negara-negara bukan Islam sebagai tapak mereka. Ahmadiyah sangat berpengaruh di United Kingdom dan negara-negara Eropah yang lain, namun ini masih tidak meletakkan mereka sebagai boleh diterima oleh orang Islam. Lebih penting lagi, pandangan anggota Ahmadiyah sendiri mengenai ajaran yang mereka anuti. Mereka bertegas mengatakan bahawa ajaran Ahmadiyah merupakan ajaran Islam dan mereka hanya menganggotai sebuah kumpulan yang menjalankan segala hal sama dengan orang Islam yang lain. Mereka hanya berbeza kerana menganggotai Ahmadiyah.

Inilah persepsi yang boleh diambil setelah meneliti beberapa pengakuan anggota Ahmadiyah seperti yang dilontarkan oleh Ungku Adnan Ismael iaitu salah seorang tokoh penting Ahmadiyah di Malaysia. Apabila ditanya mengenai ajaran Ahmadiyah sama ada terpesong dari Islam, beliau mengatakan, *"We are definitely not involved in deviationist teachings. We are all Muslims, just like the others, including Dr Hasan [Ali of Selangor Islamic Affairs and Malay Customs chairperson] and his PAS people"*.²⁷ Pandangan ini turut diperkukuhkan oleh Ainul Yakin Mohd Zain iaitu jurucakap bagi Ahmadiyah, *"None of this is true [accusation that Ahmadiyah is non-Muslim]. We perform our haj in Mecca, just like all other Muslims. We use the holy Quran, without any modification. We pray five times a day, using the same verses by other Muslims"*.²⁸ Berdasarkan keadaan ini, maka kalangan pengikut Ahmadiyah tetap menegaskan bahawa mereka adalah orang Islam dan tidak sesekali menyeleweng dari Islam. Hanya satu yang membezakan mereka dengan golongan yang ditanggapi oleh Ahmadiyah sebagai golongan 'mainstream Muslim' ialah kepercayaan mereka bahawa Nabi Muhammad saw bukanlah Nabi yang terakhir sebaliknya Nabi yang terakhir ialah Mirza Ghulam Ahmad. Dan pegangan ini jugalah yang menyebabkan 'mainstream Muslim' sama ada di Malaysia mahupun Indonesia tidak menerima mereka.

Dari India ke Alam Melayu: Penyebaran Qadiani ke Malaysia

²⁶ Istilah yang seringkali digunakan ialah ajaran sesat yang bermakna ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan Islam yang berdasarkan Al-Quran dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sehingga ke hari ini dikatakan terdapat lebih 100 ajaran sesat di Malaysia. Lihat "Menenal Ajaran Sesat di Malaysia", dlm. <http://www.islam.gov.my/ppi/ajaransesat.html> di ases pada 26 Julai 2009.

²⁷ <http://harismibrahim.wordpress.com/2008/12/december-31/>, 2008. Laman web ini diases pada 25 Julai 2009.

²⁸ Ibid.

Ajaran Ahmadiyah yang berasal dari Qadian ini dikatakan telah tersebar keluar dari Asia Selatan dan pengikutnya boleh ditemui di 185 buah negara dengan keanggotaan hari ini adalah seramai 150 juta orang.²⁹ Ia dipimpin oleh Hadrat Mirza Masroor Ahmad yang berpusat di London. Di Alam Melayu, Ahmadiyah telahpun bertapak bukan sahaja di Malaysia dan Indonesia tetapi juga di Singapura. Masih kurang jelas bilakah tarikh sebenar kehadiran Qadiani ke Malaysia. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa pertapakan ajaran Qadiani di Malaysia bermula pada 1906 melalui Sher Muhammad Khairuddin, seorang anggota polis dari India yang bertugas di Selangor. Walau bagaimanapun terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa ajaran Qadiani ini hanya dapat berkembang secara aktif melalui usaha yang dilakukan oleh sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai *The Muslim Mission* yang berpusat di United Kingdom dan diketuai oleh Kwaja Kamaluddin. Pertubuhan ini telah menerbitkan majalah *Islamic Review* dan penerbitannya turut beredar di Tanah Melayu.

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) merupakan antara pelanggan majalah ini selama 22 tahun (1918-1940), namun tidak dapat dipastikan adakah Za'ba menyedari bahawa ia merupakan majalah rasmi gerakan Qadiani. Prof. Adnan Hj Nawang yang membuat kajian mengenai Za'ba ada menyebutkan bahawa Za'ba mula menunjukkan minat terhadap ajaran Kwaja Kamaluddin sejak 1917 dimana beliau dilihat telah cuba mengembangkan ajaran Kwaja Kamaluddin di Tanah Melayu.³⁰ Hal ini berdasarkan tanggapan beliau bahawa gerakan Khawaja Kamaluddin merupakan sebuah gerakan reformis Islam dan termasuk dalam gerakan kaum muda.³¹

Malah Za'ba turut menyanjung tinggi beberapa ketokohan Mirza Ghulam Ahmad yang dimasukkan sebagai tokoh gerakan Islam sejajar dengan ketokohan Syed Ahmad Khan, Sheikh Muhammad Abduh, Sheikh Muhammad Iqbal, Syed Jamaluddin Afghani dan Khawa Kamaluddin dengan mengatakan "*these masterminds among Muslims...these brave champions and defenders of Islam are bound to be successful and leave their impress on the dawning regeneration of the Muslim world*". Menjelaskan lebih lanjut sikap Za'ba dalam melihat ketokohan nama-nama yang disebutkan diatas, dan pastinya termasuk Mirza Ghulam Ahmad dan Khawa Kamaluddin, Prof. Adnan Haji Nawang mengatakan, "*Za'ba amat memuji individu-individu tersebut. Mereka wira kepada Za'ba. Dia percaya sebelum adanya tokoh-tokoh itu, Islam menjadi agung pada zaman awalnya kerana "the perfect and comprehensive nature of Islam", tetapi dengan adanya gerakan kebangkitan semula oleh tokoh-tokoh tersebut, "the coming revival of Muslim supremacy will be brought back by the same force being revived and*

²⁹ A. Yogaswara dan Maulana Ahmad Jalidu (2008), *Aliran Sesat dan Nabi-nabi Palsu*, Yogyakarta: Narasi, h. 40.

³⁰ Adnan Haji Mohd Nawang (1980), "Za'ba dan Ajaran Khwaja Kamaluddin", dl. Khoo Kay Kim (ed.), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 70.

³¹ Adnan Haji Mohd Nawang (2007), *Za'ba dan Melayu*, h. 13 dan 55.

studied anew".³² Ketika Kwaja Kamaluddin membuat lawatan ke Singapura pada 1921, Za'ba turut bertanggung jawab membawa beliau melawat beberapa tempat di Tanah Melayu termasuklah ke Taiping dan Pulau Pinang.³³ Selain Za'ba antara tokoh tempatan yang turut bersama-sama mengalu-alukan dan menjadi penganjur kehadiran Khawa Kamaluddin ialah Abdul Majid Zainuddin dan pembabitan beliau dengan golongan ini telah menyebabkan beliau dicap sebagai kafir dan 'Melayu Qadiani'.³⁴ Walau bagaimanapun, tidak jelas adakah Za'ba juga menerima jolokan yang sama kerana hubungannya dengan Khwaja Kamaluyddin?

Dalam hal ini, Abdul Rahman Haji Abdullah tanpa ragu-ragu menegaskan bahawa perkembangan ajaran Ahmadiyah di Tanah Melayu adalah sumbangan langsung Kwaja Kamaludin.³⁵ Ketika Kwaja Kamaluddin mengunjungi Singapura pada 1921, satu pertubuhan dinamakan *The Arjuman-i-Islami* yang ahli terawalanya berjumlah 124 orang dan salah seorang ahli tersebut ialah Za'ba telah ditubuhkan.³⁶ Selanjutnya, pertubuhan ini menerbitkan majalah *The Muslim* pada bulan Januari 1922.³⁷ Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa kedatangan ajaran Ahmadiyah ke Tanah Melayu pada awal 1930-an adalah dibawa oleh Maulana Husin Iyaz yang datang ke Singapura dan membuka pusat penyebaran di No 116, Unan Road.³⁸ Dari pusat inilah Ahmadiyah tersebar dan kerja-kerja Maulana Husin Iyaz ini kemudiannya disambung oleh Maulana Mohd Sadiq bin Barakatullah yang datang ke Singapura pada 1949.³⁹ Melalui Siti Norbaya bt Abd Kadir pula mengatakan bahawa:

Ajaran Qadiani di Malaysia dipercayai mula bertapak pada awal tahun 1930an oleh mubaligh yang bernama Maulana Husin Iyaz. Kemasukan ajaran Qadiani atau ajaran Ahmadiyah ditentang hebat oleh Ulama Islam di Malaysia dan tidak mengiktiraf Qadiani sebagai golongan Islam. Namun terdapat penganut ajaran ini di Negeri Selangor iaitu di Jeram, Sungai Tua, Sungai Buluh dan Kampung Nakhoda [Batu Caves]⁴⁰

Penumpuan ajaran Qadiani ketika ini ialah di kalangan komuniti India Muslim. Berdasarkan keadaan ini maka tidak hairanlah sekiranya usaha untuk mengembangkan ajaran ini bertumpu di beberapa kawasan yang mempunyai

³² Ibid., h. 59.

³³ Adnan Haji Mohd Nawang (1980), "Za'ba dan Ajaran Khwaja Kamaluddin", h. 78.

³⁴ Adnan Haji Mohd Nawang 92007), *Za'ba dan Melayu*, h. 212.

³⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia*, h. 171.

³⁶ Ibid.

³⁷ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 21-22.

³⁸ <http://e-annuur.blogspot.com/2007/02/penyelewengan-ajaran-qadiani.html> diases pada 26 Jun 2009.

³⁹ "Qadiani (Bukan Ajaran Islam): Makluman Fatwa Rasmi", <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/qadiani.html> di ases pada 25 Julai 2009.

⁴⁰ Siti Norbaya Bt Abd Kadir (2003), *Ajaran Sesat, Sejarah Kemunculan dan Ciri-Cirinya*, Kuala Lumpur: Al-Hidaya, h. 18.

jumlah masyarakat India Muslim yang besar terutamanya di kawasan bandar. Selain Singapura, Maulana Ghulam Hussain Iyaz turut aktif menyebarkan Ahmadiyah ke bandar-bandar utama di Tanah Melayu dan beliau dikatakan telah datang ke Klang pada 1934 dalam usahanya menubuhkan Jamaah Qadiani di Klang. Pada 1936, Jamaah pertama ditubuhkan di Klang yang mempunyai tujuh anggota.⁴¹ Usaha ini semakin pesat apabila pada 1948, bertempat di Batu 20 Jeram, hasil dari usaha Mualim Zaini Dahalan, sebuah pusat pertemuan diwujudkan yang terdiri dari sebuah rumah hasil dari wakaf anggota Qadiani.⁴² Walau bagaimanapun, aktiviti Ahmadiyah di Jeram dikatakan lumpuh kesan dari pertemuan antara kumpulan ini dengan alim ulama di hadapan DYMM Sultan Selangor yang seterusnya memutuskan bahawa golongan Ahmadiyah ini terkeluar dari Islam.⁴³ Pertemuan ini antara lain adalah permintaan ketua Ahmadiyah Jeram iaitu Syed Abdul Rahman bin Syed Alwi. Pertemuan ini diadakan di Istana Selangor, Kuala Lumpur pada 23 Julai 1951 dimana pihak Ahmadiyah diwakili oleh Mohd Sadiq Barakatullah dan Mohd Zuhdi Fadhil. Pihak ulama pula diwakili oleh Sheikh Mahmud Zuhdi dan ulama-ulama dari Pejabat Agama Islam Selangor.⁴⁴

Jika sebelum merdeka, tumpuan kalangan pengembang Qadiani adalah terhadap kalangan India Muslim, namun apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, gerakan ini mula mengembangkan pengaruh terhadap orang Islam keseluruhannya termasuklah orang Melayu. Ajaran-ajaran Qadiani yang mirip ajaran Islam telah memudahkannya untuk dikembangkan dan secara perlahan-lahan orang Melayu turut terbabit dalam Qadiani ini. Pada 1964, dua orang pengikut ajaran ini iaitu Haji Yusof bin Omar dan Mohammad Zain bin Hassan telah mewakafkan tanah di Kampung Nakhoda, Batu Caves untuk dijadikan pusat Ahmadiyah yang dinamakan Baitussalam. Ia merupakan sebuah bangunan dua tingkat yang dijadikan pusat ibadat bagi pengikut Ahmadiyah.

Bangunan kayu dua tingkat ini kemudiannya diubahsuai hingga menjadi bangunan batu tiga tingkat yang dijadikan pusat gerakan Ahmadiyah dan lebih dikenali sebagai Jemaat Ahmadiyah Malaysia.⁴⁵ Lebih penting lagi, ajaran Ahmadiyah atau Qadiani ini turut tersebar ke Malaysia Timur dan menjadikan Sabah sebagai pusat gerakan mereka. Ajaran ini telah sampai ke Sabah melalui kehadiran pengikut Qadiani iaitu Kunhi Abdul Kadir dan Mohamad Kunhi. Kedua-dua mereka datang ke Labuan sekitar tahun 1939/1940 dan menjalankan aktiviti perniagaan. Mereka terbabit dalam perniagaan pakaian dan makanan dan atas usaha mengembangkan ajaran ini, mereka telah berjaya menarik dua buah keluarga untuk turut serta dalam ajaran ini. Mereka ialah Sukarman bin Ahmad Nasran dan Salim Shah

⁴¹ Farawahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 22.

⁴² *Ibid.*, h. 24.

⁴³ "Ajaran Qadiani", <http://infad.usim.edu.my> di ases pada 25 Julai 2009.

⁴⁴ "Qadiani (Bukan Ajaran Islam): Makluman Fatwa Rasmi", <http://www.islam.gov.my/e-ruijukan/qardiani.html> di ases pada 25 Julai 2009.

⁴⁵ Farawahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 26.

Bakridan Shah yang telah mewakafkan tanahnya untuk dijadikan Masjid, pusat gerakan Qadiani. Gerakan ini semakin berkembang dengan kehadiran Dr. B. D Ahmad iaitu seorang doktor dalam pasukan tentera British ketika Perang Dunia Kedua. Beliau telah menjadikan rumahnya di Kota Kinabalu sebagai pusat aktiviti Qadiani dan seterusnya mewakafkan hartanya apabila beliau kembali ke Pakistan.⁴⁶ Dalam melihat perkembangan Ahmadiyah ini di Sabah, Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim mengatakan:

Kemantapan gerakan Qadiani di Sabah turut dibantu oleh peranan mubaligh-mubaligh yang ditugasi mengembangkan pengaruh Qadiani ke Sabah. Contohnya pada tahun 1947, Maulvi Mohd Zohdi bin Fadzli merupakan mubaligh tempatan pertama yang menamatkan pengajiannya di Qadian telah dihantar ke Sabah. Dia juga merupakan orang Malaysia pertama dilantik menjadi mubaligh Qadian. Kebanyakan daripada penduduk di Kinarut, Tenom, Idan Lingkungan telah menyertai jemaat [Qadiani]. Dia menamatkan tugas mubaligh di Sabah pada tahun 1950 selepas diminta bertugas di Indonesia. Selain Maulvi Mohd Zohdi, beberapa orang mubaligh Qadiani turut dihantar ke Sabah bersilih ganti bagi memastikan kelancaran tarbiah Qadiani. Antaranya termasuklah Saeed Ansari, Mirza Idris, Ghulam Hussain Ayaz dan Basharat Ahmad Nasim.⁴⁷

Selain Labuan dan Kota Kinabalu, gerakan Ahmadiyah di Sabah semakin lancar dengan kemasukan Haji Muhammad Dantalmura Yusof iaitu anggota Qadiani pertama di Sandakan hingga membolehkan Sandakan menjadi pusat utama Ahmadiyah.⁴⁸ Pada 1956, gerakan Ahmadiyah menjadi semakin berpengaruh dengan kemasukan Haji Yusof Omar. Menariknya, beliau merupakan orang yang dipertanggung jawabkan oleh Jabatan Agama Islam Sabah untuk menyelidiki dan menyiasat mengenai ajaran ini. Gerakan ini kemudiannya mendaftarkan pertubuhan mereka dengan nama Tahrik-i-Jadid Ahmadiyya Muslim Association Sabah pada Januari 1967 hasil usaha Basharat Ahmad Nasim. Berikutan dari itu, sebuah Mission House telah ditubuhkan beralamat Batu 1 1/2, Sunny Garden, Tuaran yang menjadi pusat gerakan Ahmadiyah di Sabah.⁴⁹ Jemaat Ahmadiyah Sabah kemudiannya diterajui oleh Haji Mohd Dantalmura Haji Yusof yang bertindak selaku Presiden pada 1972 sebelum diambil alih oleh Sarifuddin bin Bujing yang memperolehi bantuan dari seorang mubaligh Qadiani warga Indonesia bernama Ahmad Hidayatullah.⁵⁰

⁴⁶ Ibid., h. 22-23.

⁴⁷ Ibid., h. 23.

⁴⁸ Ibid., h. 24.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Ibid., h. 25.

Dalam hal ini, maka didapati bahawa perkembangan ajaran Ahmadiyah di Sabah telah dibantu dengan kehadiran mubaligh-mubaligh Ahmadiyah dari Indonesia. Selain Ahmad Hidayatullah, dipastikan juga kehadiran Ahmad Hariadi, seorang mubaligh Ahmadiyah yang kemudiannya keluar dari gerakan tersebut kemudiannya. Ahmad Hariadi ada menyebutkan bahawa beliau seringkali mengadakan ceramah-ceramah agama yang bertempat di Markas Ahmadiyah, Sandakan. Selain itu beliau juga mengadakan ceramah agama di Kota Kinabalu. Malahan terdapat rakaman ceramahnya yang dirakamkan dengan ditaja oleh mantan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri Sabah iaitu Nahlan bin Haji Damsal.⁵¹ Menurut laporan *Berita Harian*, sehingga 1988, jumlah pengikut Ahmadiyah di Sabah dianggarkan seramai 500 orang.⁵²

Pada muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah bilangan 3 tahun 2006 yang telah bersidang pada 13-14 Disember di Pejabat Mufti Negeri Sabah juga memutuskan bahawa ajaran Ahmadiyah atau Qadiani ini adalah ajaran sesat dan boleh membawa kepada murtad dan orang Islam di Sabah adalah diharamkan dari terbabit dengan ajaran ini. Jawatankuasa ini telah memutuskan bahawa pengharaman ini meliputi apa sahaja variasi, versi atau cabang mana-mana ajaran Ahmadiyah dan termasuk apa-apa pegangan idelologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Waljamaah. Ia juga meliputi apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa penerbitan sama ada yang dicetak, bertulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran tersebut.⁵³

Gerakan Ahmadiyah di Malaysia berjalan dalam gerakan yang tersusun. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Majlis Amila dan Majlis Syura. Majlis Amila mengandungi 20 ahli jawatankuasa tetap dengan diketuai oleh Amir (Presiden) dan jawatankuasa yang lain. Jawatan ini diwujudkan buat pertama kalinya pada 1949 dan dipegang oleh Syed Abd Rahman sebelum diganti oleh Ismail bin Karsah dan Zainal Abidin bin Bahauddin. Pada 2004, jawatan ini dipegang oleh Ungku Adnan Ismail. Majlis Syura pula merupakan Majlis Ahli dimana anggotanya terdiri dari presiden cawangan seluruh Malaysia.⁵⁴ Gerakan ini juga turut memberikan perhatian kepada kaum wanita dengan penubuhan Lajnah Imaillah. Ahlinya terdiri dari wanita Ahmadiyah yang berusia 15 tahun dan keatas. Usaha mengembangkan Ahmadiyah pula dimainkan oleh mubaligh-mubaligh Ahmadiyah. Mereka disifatkan sebagai, "*individu-individu yang bertanggungjawab untuk memastikan kelancaran proses dakwah di kalangan pengikut-pengikut. Bilangan keseluruhan mubaligh Ahmadiyah di Malaysia*

⁵¹ Ahmad Hariadi (2008), *Mengapa Saya Keluar dari Ahmadiyah Qadiani*, Bandung: Irsyad Baitus Salam, h. 40-41.

⁵² *Berita Harian*, 17 April 1998.

⁵³ Lihat "Ajaran Qadiani", <http://www.e-fatwa.gov.my> di ases pada 25 Julai 2009.

⁵⁴ Untuk maklumat lanjut lihat Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 27-31.

adalah seramai lapan orang, iaitu empat di Semenanjung Malaysia dan empat orang di Sabah".⁵⁵

Ajaran Ahmadiyah turut menggerakkan berbagai aktiviti bersifat keagamaan sama ada berbentuk siri kuliah agama, ceramah dan sebagainya. Pusat aktiviti mereka di Kampung Nakhoda, Batu Caves tidak sahaja dibuka kepada ahli sebaliknya kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, solat Jumaat dilaksanakan secara berasingan dengan penduduk dan ia turut mengumpulkan ahli-ahli Ahmadiyah di sekitar Lembah Klang.⁵⁶ Pada tahap kemuncaknya, gerakan ini dikatakan mempunyai sehingga 10,000 orang ahli. Walau bagaimanapun hari ini, jumlah pengikut Ahmadiyah adalah sekitar 1500 orang dimana 500 orang terdapat di Selangor. Negeri-negeri lain yang mempunyai jumlah anggota Ahmadiyah yang besar ialah Johor dan Sabah.⁵⁷ Di Selangor, antara lokasi dimana terdapatnya kalangan Ahmadiyah ialah di Jeram, Sungai Tua, Sungai Buloh dan Kampung Nakhoda. Di Jeram dilaporkan terdapat kira-kira 40 orang pengikut terdiri dari lelaki dan perempuan, malah terdapat tanah perkuburan Ahmadiyah dengan keluasan kira-kira dua ekar yang telah diberikan oleh pihak British kepada kumpulan ini sejak sebelum merdeka. Di Sungai Tua terdapat kira-kira 20 pengikut, lelaki dan perempuan sementara di Sungai Buloh pula wujud sebuah surau Ahmadiyah yang dibina melalui derma pengikut-pengikut Ahmadiyah.⁵⁸ Dalam masa yang sama, usaha-usaha untuk menyebarkan ajaran Qadiani terus giat dilaksanakan sehingga ke hari ini di Sabah. Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) Cawangan Sabah misalnya telah mengesan adanya usaha untuk mengembangkan ajaran Ahmadiyah terutamanya di Sandakan, Tawau, Kota Marudu dan Pitas.⁵⁹

Pengkaji Qadiani, Farahwahida Mohd Noor dan Siti Ramlah Ibrahim mengatakan bahawa gerakan Ahmadiyah ini berkembang di Malaysia kerana beberapa faktor iaitu keturunan. Faktor ini ditanggapi sebagai faktor terpenting dalam melihat perkembangan gerakan ini. Kalangan ahli Ahmadiyah telah diterapkan dengan ajaran dan fahaman ini sejak mereka lahir. Oleh yang demikian, sukar bagi mereka untuk meninggalkan amalan ini kerana telah sehati dengan mereka. Keadaan menjadi bertambah kompleks kerana anggota Ahmadiyah mengawal perkahwinan anak-anak mereka dimana perkahwinan hanya boleh dilaksanakan sesama anggota sahaja.

Faktor selanjutnya ialah faktor kejahilan masyarakat Islam sendiri. Tanggapan umum melihat bahawa ajaran Ahmadiyah merupakan ajaran Islam hingga tidak timbul sebarang keraguan untuk menerapkan ajaran dan fahaman itu dalam amalan keagamaan mereka. Selain itu, perkembangan ajaran ini di Malaysia turut

⁵⁵ Ibid., h. 33.

⁵⁶ Ibid., h. 38

⁵⁷ <http://harismibrahim.wordpress.com/2008/12december31>, 2008. Laman web ini diases pada 25 Julai 2009.

⁵⁸ "Qadiani (Bukan Ajaran Islam): Makluman Fatwa Rasmi", <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/qardiani.html> di ases pada 25 Julai 2009.

⁵⁹ "Jakim Kesan Kegiatan Sebar Ajaran Qadiani", <http://halalsurf.blogspot.com/2009/05/jakim-kesan-kegiatan-sebar-ajaran.html> di ases pada 26 Julai 2009.

disebabkan keaktifan mubaligh-mubaligh Ahmadiyah dalam menjalankan usaha menyebarkan ajaran itu. Hal ini dapat dilihat di Sabah dimana mubaligh-mubaligh Ahmadiyah didapati menyebarkan ajaran ini dikalangan masyarakat pribumi dan suku-suku kaum. Dalam masa yang sama, ajaran ini turut dikembangkan melalui media cetak, elektronik dan internet. Malahan perbahasan dan perdebatan turut dilakukan sebagaimana perdebatan antara jemaah Ahmadiyah dengan wakil dari Pejabat Agama Islam Negeri Selangor pada bulan Julai 1951 dihadapan baginda Sultan Selangor.⁶⁰

Reaksi Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Ahmadiyah/Qadiani

Perkembangan ajaran ini Di Malaysia telah menimbulkan reaksi tertentu dari kalangan masyarakat Islam. Secara langsung reaksi ini akan berlandaskan kepada fatwa-fatwa yang dilontarkan oleh pihak yang bertanggung jawab dalam soal-soal seperti ini. Ini termasuklah Majlis Fatwa Kebangsaan di Malaysia mahupun Jabatan Perdana Menteri. Meskipun reaksi yang akan dibincangkan dalam kertas ini lebih menjurus kepada perkembangan yang berlaku dalam era selepas kedua negara mencapai kemerdekaan, namun dalam kes di Malaysia, sedikit sebanyak reaksi masyarakat mengenai Ahmadiyah sebelum tempoh merdeka akan juga disentuh.

Pada asasnya, kehadiran ajaran Ahmadiyah sama ada dalam bentuk aliran Qadiani mahupun dari kumpulan Lahore tetap dipandang sebagai sesuatu yang sangat sensitive kepada masyarakat Islam. Dalam hal ini, kehadiran Ahmadiyah ke Tanah Melayu telah menarik perhatian masyarakat dan perhatian ini semakin ketara seiring dengan kehadiran Khwaja Kamaludin ke Tanah Melayu. Reaksi ini bolehlah disifatkan sebagai reaksi awal masyarakat Tanah Melayu terhadap ajaran Ahmadiyah ini. Salah satu reaksi terhadap Ahmadiyah telah ditimbulkan oleh seorang penduduk Tanah Melayu bernama Hassan Ahmad. Tidak jelas mengenai latar belakang beliau, namun beliau telah menulis dalam akhbar Lembaga Malaya bertarikh 18 November 1920 bertajuk "Siapa Dia Khwaja Kamaluddin?". Hassan Ahmad telah melahirkan rasa sangsinya terhadap kedudukan Khwaja Kamaluddin terutama pegangan dan pandangan beliau terhadap Mirza Ghulam Ahmad hingga menyebabkan Za'ba menulis mempertahankan Khwaja Kamaluddin.⁶¹ Selain Za'ba, seorang tokoh lain yang dilihat banyak mempertahankan kedudukan dan peranan Khawaja Kamaluddin ialah Haji Abd Majid Zainuddin.⁶² Selain Hassan Ahmad, kalangan ulama dan cerdik pandai Melayu turut memberikan pandangan terhadap perihal Ahmadiyah. Antaranya ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dan juga A. Rahim Kajai. Kedua-duanya telah menulis dalam pelbagai media cetak mengenai perihal Ahmadiyah dan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin misalnya tidak membezakan antara Ahmadiyah Qadian mahupun

⁶⁰ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 43.

⁶¹ Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia*, h. 171-172.

⁶² *Ibid.*, h. 172.

Ahmadiyah Lahore kerana pada tanggapan beliau keduanya bercanggah dengan Islam.⁶³

Di Malaysia, isu mengenai kedudukan Ahmadiyah atau Qadian selepas kemerdekaan telah berlaku pada 1970-an. Pada 18 Jun 1975, kerajaan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengumumkan bahawa ajaran Ahmadiyah merupakan ajaran yang diharamkan. Hal yang sama telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui mesyuarat Jawatankuasa Undang-undang Fatwa Negeri Selangor pada 25 November 1975. Berikutan dari itu beberapa perkembangan lain telah berlaku termasuklah arahan kerajaan negeri Sabah yang mengeluarkan arahan membatalkan pendaftaran *Tahrik-I Jadid Ahmadiyya Muslim Association Sabah*. Selain itu segala aktiviti gerakan ini juga diharamkan.⁶⁴

Fatwa ini diwartakan berdasarkan kepada keputusan Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat yang ke 101 yang memutuskan bahawa Ahmadiyah merupakan ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam. Dalam masa yang sama, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan-jabatan agama di Malaysia telah meletakkan bahawa Qadiani merupakan ajaran sesat. Ia ditakrifkan sebagai amalan yang dibawa oleh orang Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan yang dibawanya adalah ajaran Islam sebenar atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ia bertentangan dan bersalahan dengan ajaran Islam itu.

Ini bermakna bahawa Ahmadiyah atau Qadiani merupakan amalan atau ajaran mahupun fahaman yang tidak menepati lunas-lunas ajaran Islam sebagaimana yang sepatutnya berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah.⁶⁵ Lebih jelas, ajaran Ahmadiyah difatwakan sebagai sesat kerana ia bertentangan dengan Islam berdasarkan dakwaan dan perbuatan Mirza Ghulam Ahmad yang mengaku sebagai Imam Mahadi, Nabi Isa, menerima wahyu dan mukjizat, menafikan jihad, mengubah ayat al-Quran dan ibadah haji ke Qadian.⁶⁶ Beberapa siri penahanan dan tindakan mengusir keluar dari Malaysia telah dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa kepada kalangan mubaligh Ahmadiyah yang datang ke negara ini atas lawatan sosial namun telah menyebarkan ajaran Ahmadiyah.⁶⁷ Pengharaman ajaran Ahmadiyah ini telah meletakkan mereka sebagai puak yang terkeluar dari Islam serta tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuklah pengkebumian di tanah perkuburan Islam.

Kedadaan ini sebenarnya memberi implikasi yang agak besar dan dapat dipandang dari dua sudut. Pertama, kalangan anggota Ahmadiyah tidak lagi dilihat sebagai seorang Islam dan meletakkan mereka setara dengan penganut agama-agama lain

⁶³ Ibid., h. 173.

⁶⁴ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 25.

⁶⁵ Lihat Siti Norbaya Bt Abd Kadir (2003), *Ajaran Sesat, Sejarah Kemunculan dan Ciri-Cirinya*, h. 4-5.

⁶⁶ Ibid., h. 17-18.

⁶⁷ "Ajaran Qadiani", <http://www.infad.usim.edu.my> di ases pada 25 Julai 2009.

sama ada Hindu, Kristian dan sebagainya. Kedua, anggota Ahmadiyah juga, oleh kerana tidak lagi dianggap sebagai Islam, maka mereka tidak lagi terikat kepada Undang-undang Shariah yang bertanggung jawab dalam soal-soal agama Islam. Ini bermakna mereka tidak boleh didakwa di mahkamah Shariah atas kesalahan agama. Ia secara langsung membuka ruang kepada ajaran Ahmadiyah untuk terus bertapak di Malaysia.⁶⁸

Melalui Pewartaan Fatwa tentang Ahmadiyah yang diwartakan pada 17 Ogos 2001, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menggariskan secara lengkap hal-hal yang berkaitan dengan pengikut ajaran ini. Ini termasuklah menjelaskan bahawa pengikut ajaran ini diistilahkan sebagai telah murtad atau keluar dari Islam hingga boleh membawa akibat sama ada dari hukum syarak mahupun sivil iaitu, perkahwinan orang tersebut boleh dibubarkan dengan pengesahan Mahkamah Syariah mengikut seksyen 46 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984; orang tersebut tidak boleh menjadi wali dalam akad nikah anak perempuannya; orang tersebut tidak boleh mewarisi harta peninggalan kerabat kerabat Muslimnya; dan orang tersebut tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa keistimewaan yang diperuntukkan kepada orang Melayu di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Negeri dan sekiranya hak-hak tersebut telah diberi, dinikmati atau diperolehi oleh orang tersebut, ia hendaklah terhenti dari berkuatkuasa dan bolehlah dilucut, ditarik balik dan dibatalkan, mengikut mana berkenaan, oleh pihak yang berkuasa yang berkaitan.⁶⁹

Di lihat lebih dalam, oleh kerana dalam konteks di Malaysia, berdasarkan kepada Perlembagaan, adalah jelas bahawa orang Melayu itu adalah Islam. Maka sekiranya seseorang didapati telah keluar dari Islam, maka segala hal berkaitan dengan Melayu dan Islam sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan juga akan terbatal. Oleh yang demikian, isu mengenai Ahmadiyah ini membawa implikasi ekonomi, sosial mahupun politik yang cukup besar bagi orang Melayu dan Islam di Malaysia.

Pada bulan Disember 2008, kerajaan negeri Selangor melalui Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam, Adat Istiadat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia, Dr. Hasan Ali telah memberikan isyarat bahawa tindakan lebih tegas akan dilaksanakan terhadap pengikut Ahmadiyah yang telah difatwakan sebagai ajaran yang menyeleweng. Tindakan tegas ini termasuklah merampas tanah yang didirikan bangunan sebagai pusat penyebaran ajaran mereka. Ini kerana tapak atau tanah tersebut sebenarnya dikhususkan untuk tapak kediaman dan bukannya untuk rumah ibadat. Kalangan Ahmadiyah di Kampung Nakhoda diminta supaya tidak meletakkan ayat-ayat al-Quran di tempat beribadat Ahmadiyah mahupun menjalankan sembahyang Jumaat di premis berkaitan sebagaimana arahan yang telah dikeluarkan oleh Majlis

⁶⁸ Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, h. 153.

⁶⁹ Dipetik dari "Ajaran dan Fahaman Tarikat Yang Salah", <http://onlinecafe.com.my> di ases pada 24 Julai 2009.

Agama Islam Selangor (MAIS) pada 24 April 2009.⁷⁰ MAIS juga telah meletakkan papan tanda bertulis “Qadiani Bukan Agama Islam” di hadapan bangunan ibadat bagi pengikut ajaran ini. Walau bagaimanapun, papan tanda ini kemudiannya telah diubahsuai dimana perkataan “bukan” telah dipadam hingga ayat itu berbunyi “Qadiani Agama Islam”. Lihat gambar di bawah.

Lebih penting lagi, terdapat pertikaian undang-undang dalam menghadapi Ahmadiyah hingga menyebabkan gerakan yang telah berlangsung sejak sebelum kemerdekaan terus kekal hingga ke hari ini. Melalui fatwa yang dikemukakan terhadap Ahmadiyah yang menjelaskan bahawa mereka bukan Islam telah menyebabkan pihak-pihak berkaitan dengan agama tidak dapat bertindak kerana kedudukan mereka yang bukan Islam tidak membolehkan kesnya dibawa ke mahkamah syariah. Ini dijelaskan oleh Ainul Yakin Mohd Zain iaitu jurucakap Ahmadiyah Malaysia ketika mengulas mengapa pihak berkuasa agama tidak membawa kes Ahmadiyah ke mahkamah. Beliau menegaskan bahawa, *“This is why we have not been charged in any syariah court because we are not considered Muslims”*.⁷¹ Dalam mengulas hal ini, pakar perundangan dan perlembagaan Prof. Dr. Shad Saleem Faruqi mengatakan bahawa:

Every religion has its own jurisdiction to ‘excommunicate’ deviant followers, but in this case [Ahmadiyah] it should be a matter of last resort since the implications are devastating...as the law was concerned, the Ahmadiyya should enjoy constitutional protection for their freedom of religion if they are considered non-Muslims. But if they want to declare themselves Muslim and follow their version of the faith, then the superior courts will defer to the syariah courts.⁷²

Kesimpulan

Ajaran Ahmadiyah atau Qadiani yang diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad dari wilayah Qadian, India pada penghujung abad ke 19 telah berkembang di negara-negara Islam. Malahan ia terus kekal sehingga ke hari ini. Ajaran ini turut berkembang di Malaysia serta menimbulkan polemik agama dan politik yang tidak kecil. Di lihat dari beberapa sudut maka didapati bahawa gerakan Ahmadiyah ini menunjukkan beberapa perkara. Pertama, terlihat wujudnya perkaitan antara gerakan Ahmadiyah dengan keinginan imperialisme barat melalui British untuk memecahkan masyarakat Islam, kedua, wujudnya ajaran-ajaran yang disifatkan sebagai sesat dan menyeleweng dalam ajaran Islam. Ketiga, wujudnya satu bentuk keterikatan antara masyarakat Islam di negara-negara yang berbeza.

⁷⁰ “Qadiani Agama Islam?”, <http://www.pemudagombak.com> di ases pada 27 Julai 2009.

⁷¹ <http://harismibrahim.wordpress.com/2008/12december/31>, 2008. Laman web ini diases pada 25 Julai 2009.

⁷² Shanon Ahmad, “MAIS forbids Ahmadiyya Worship”, seperti dipetik dalam <http://www.thenutgraph.com> di ases pada 26 Julai 2009.

Keterikatan ini dibayangkan melalui berbagai rupa bentuk gerakan sama ada yang benar mahupun yang dianggap sesat seperti Ahmadiyah. Keempat, gerakan ini bermula di Benua Kecil India dan ia bukanlah satu-satunya gerakan dari benua kecil itu yang berkembang di Alam Melayu.

Gerakan lain seperti gerakan Tabligh turut diasaskan di India dan mendapat tempat yang besar di Alam Melayu. Ajaran Shah Wali Ullah/Wali Allah turut berkembang di kalangan masyarakat Islam di rantau ini dan kelima, kewujudan gerakan Ahmadiyah serta gerakan-gerakan yang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung dilihat mencabar kewujudan Islam sendiri dan cabaran ini pula datangnya dari kalangan orang Islam ataupun yang ada kaitan dengan Islam.⁷³

Dalam melihat sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu, maka perkaitan dan hubungan antara rantau ini dengan rantau-rantau Islam yang lain sebenarnya sangat besar. Asia Barat (Timur Tengah), Asia Selatan mahupun China sememangnya memberikan sumbangan yang tidak kecil dalam perkembangan itu. Ini bermakna, perkembangan-perkembangan yang berlaku terutamanya dalam konteks gerakan dan perubahan-perubahan yang mempunyai perkaitan dengan Islam di rantau-rantau tersebut akan secara mudah mempengaruhi perkembangan yang berlaku di Alam Melayu. Hal ini pastinya menepati konsep ummah dalam Islam yang mengatakan bahawa masyarakat Islam itu sesungguhnya bersaudara. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya kita dapati bahawa berbagai perkembangan berkaitan Islam di Asia Selatan telah mempengaruhi perkembangan dan pemikiran Islam di Alam Melayu. Tokoh-tokoh Islam seperti Abu ala al Maududi yang merupakan tokoh ulama tersohor di Asia Selatan turut menjadi idola kepada sebahagian masyarakat Islam di Alam Melayu termasuklah di Malaysia.

Hal ini sama dengan isu Ahmadiyah. Ia mampu berkembang di Alam Melayu kerana ia war-warkan sebagai tidak terkeluar dari cakupan Islam. Oleh itu ia secara mudah mendapat audiens di kalangan warga Islam di Alam Melayu. Hal ini pasti berbeza sekiranya kehadiran Ahmadiyah tidak atas kapasiti sebagai gerakan Islam, pasti masyarakat Islam akan secara langsung menolak Ahmadiyah. Hal ini dapat dirasakan apabila membaca buku bertajuk *Mengapa Saya Keluar dari Ahmadiyah Qadiani* oleh Ahmad Hariadi iaitu salah seorang mantan mubaligh Ahmadiyah. Di dalam buku ini beliau ada menyatakan secara jelas mengenai proses menjadi ahli Ahmadiyah iaitu melalui baiat dan terdapat formula baiat yang harus diisi oleh pemohon yang ingin menjadi ahli. Membaca isi baiat itu, tidak terdapat sebarang kesalahan sama sekali kerana kesemuanya adalah mirip ajaran Islam dengan salawat, seruan membuat kebaikan dan sebagainya. Kiranya Ahmad Hariadi yang telahpun mempunyai pengetahuan Islam yang mendalam

⁷³ Lihat pandangan Datuk Wan Mohammad Sheikh Abdul Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam “Jangan Gugat Hak Islam-KP Jakim”, *Utusan Malaysia*, 16 September 2008.

juga mampu menjadi ahli ajaran ini, diperkirakan sesiapa yang tidak mempunyai pengetahuan agama adalah lebih mudah untuk tertarik dalam ajaran ini.⁷⁴ Hakikat bahawa Ahmadiyah masih terus menjadi seolah-olah duri dalam daging kepada kerajaan mahupun masyarakat Islam di Malaysia telah menyebabkan usaha-usaha lebih bersepadu diperlukan. Pendedahan harus disebar luaskan kepada masyarakat dan bukan hanya oleh organisasi-organisasi agama sahaja, malah peranan tokoh-tokoh agama dan ahli politik turut penting sebagaimana yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Hadi Awang yang juga Presiden Pas yang telah memberikan kuliah Jumaat mengenai ajaran Ahmadiyah di Rusila pada 21 September 2007.⁷⁵ Ia secara langsung menggambarkan keprihatinan masyarakat Islam terhadap isu ini.

Berbagai usaha yang dilakukan oleh badan-badan Islam di Malaysia turut tidak membawa keberkesanan mutlak hingga menyebabkan isu mengenai Ahmadiyah terus berlanjutan hingga ke hari ini. Berkemungkinan tindakan yang dilakukan di Pakistan dapat menyelesaikan persoalan ini. Isu mengenai Ahmadiyah telah menjadi isu negara di Pakistan sejak 1933. Pada tahun itu satu gerakan massa secara besar-besaran telah berlaku di Lahore yang menuntut agar Ahmadiyah tidak diterima sebagai masyarakat Islam. Protes mengenai kewujudan mereka menjadi semakin sengit pada 1950-an apabila Maulana Abu Ala Maududi menjelaskan bahawa Ahmadiyah bukanlah Islam. Pada tahun 1974, demonstrasi secara besar-besaran berlaku di Islamabad menuntut agar Ahmadiyah hendaklah diletakkan sebagai golongan bukan Islam. Akhirnya setelah berbagai usaha dilakukan, maka kerajaan Pakistan telah menetapkan bahawa Ahmadiyah adalah golongan minoriti non-Muslim.⁷⁶ Ini bermakna status gerakan ini adalah jelas iaitu sebagai kelompok minoriti bukan Islam yang sama tarafnya dengan masyarakat Hindu, Sikh dan sebagainya di Pakistan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah disebutkan diatas, keyakinan pengikut Ahmadiyah bahawa mereka adalah orang Islam dan keyakinan ini sedikit sebanyak telah mengusutkan keadaan hingga menimbulkan masalah yang berterusan terutama kepada pihak pemerintah untuk menangani kes ini.

⁷⁴ Lihat Ahmad Hariadi (2008), *Mengapa Saya Keluar dari Ahmadiyah Qadiani*, h. 17-19. Lihat juga VCD mengenai hal ini bertajuk “membongkar Kesesatan Ahmadiyah” yang diterbitkan oleh Pustaka al-Kautsar. Ia mengandungi pengakuan Ahmad Hariadi serta Ust. Amin Jamaluddin iaitu seorang pakar dalam aliran sesat mendiskusikan mengenai penyelewengan Ahmadiyah. VCD ini ada dalam simpanan penulis.

⁷⁵ <http://mazhab.sementoji.net> di ases pada 26 Julai 2009.

⁷⁶ A Yogaswara (2008), *Heboh Ahmadiyah*, hlm. 57.

Bibliografi

- A. Yogaswara (2008), *Heboh Ahmadiyah*, Yogyakarta: Narasi.
- A. Yogaswara dan Maulana Ahmad Jalidu (2008), *Aliran Sesat dan Nabi-nabi Palsu*, Yogyakarta: Narasi.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Haji Mohd Nawang (1980), "Za'ba dan Ajaran Khwaja Kamaluddin", dlm. Khoo Kay Kim (ed.), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Adnan Haji Mohd Nawang (2007), *Za'ba dan Melayu*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Hariadi (2008), *Mengapa Saya Keluar dari Ahmadiyah Qadiani*, Bandung: Irsyad Baitus Salam.
- Ehsan Elahi Zaheer (1978), *Qadiyaniat: An Analytical Survey*, Lahore: Idara Tarjuman al-Sunnah.
- Farahwahida Mohd Yusof dan Siti Ramlah Ibrahim (2008), *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, Skudai: Penerbit UTM.
- Hazrat Haji Mirza Bashir-ud-Din Mahmud Ahmad (1980), *Invitation to Ahmadiyyat*, London: Routledge & Kegan Paul.
- Siti Norbaya Bt Abd Kadir (2003), *Ajaran Sesat, Sejarah Kemunculan dan Ciri-Cirinya*, Kuala Lumpur: Al-Hidaya.

Internet & Media Cetak

- "Ajaran dan Fahaman Tarikat Yang Salah", <http://onlinecafe.com.my> di ases pada 24 Julai 2009.
- "Ajaran Qadiani", <http://infad.usim.edu.my> di ases pada 25 Julai 2009.
- "Ajaran Qadiani", <http://www.e-fatwa.gov.my> di ases pada 25 Julai 2009.
- "Jakim Kesan Kegiatan Sebar Ajaran Qadiani", <http://halalsurf.blogspot.com/2009/05/jakim-kesan-kegiatan-sebar-ajaran.html> di ases pada 26 Julai 2009.
- "Mengenal Ajaran Sesat di Malaysia", dlm. <http://www.islam.gov.my/ppi/ajaransesat.html> di ases pada 26 Julai 2009.
- "Qadiani (Bukan Ajaran Islam): Makluman Fatwa Rasmi", <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/qadiani.html> di ases pada 25 Julai 2009.

“Qadiani Agama Islam?”, <http://www.pemudagombak.com> di ases pada 27 Julai 2009.

Shanon Ahmad, “MAIS forbids Ahmadiyya Worship”, seperti dipetik dalam <http://www.thenutgraph.com> di ases pada 26 Julai 2009.

<http://e-annuur.blogspot.com/2007/02/penyelewengan-ajaran-qadiani.html> diases pada 26 Jun 2009.

http://harismibrahim.wordpress.com/2008/12december_31, 2008. Laman web ini diases pada 25 Julai 2009.

<http://mazhab.sementoji.net> di ases pada 26 Julai 2009.

“Jangan Gugat Hak Islam-KP Jakim”, *Utusan Malaysia*, 16 September 2008.

Sinar Islam, Edisi 1, November 1985

Berita Harian, 17 April 1998.